| SISTEM ESSPP – https://esspp.penang.gov.my/ | VERSI | 2.0 |
|---|---|---|
| JENIS DOKUMEN | PANDUAN PENGGUNA PEMOHON (ONLINE) | |

# SISTEM ESSPP

## KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

https://esspp.penang.gov.my

# PANDUAN PENGGUNA PEMOHON (ONLINE)

| SISTEM ESSPP – https://esspp.penang.gov.my/ | VERSI | 2.0 |
|---|---|---|
| JENIS DOKUMEN | PANDUAN PENGGUNA PEMOHON (ONLINE) | |

# ISI KANDUNGAN

1.0 PENGENALAN 3
2.0 PENDAFTARAN 4
2.1 Muat Turun Borang Pendaftaran 4
2.2 Log Masuk 4
2.3 Kemaskini Kata Laluan 5
3.0 DASHBOARD 7
4.0 URUS SEKOLAH 8
5.0 URUS PERMOHONAN 9
6.0 URUS LAPORAN & STATISTIK 11
7.0 URUS PENGGUNA 12

| SISTEM ESSPP – https://esspp.penang.gov.my/ | VERSI | 2.0 |
|---|---|---|
| JENIS DOKUMEN | PANDUAN PENGGUNA PEMOHON (ONLINE) | |

# 1.0 PENGENALAN

Sistem eSSPP (e-Sumbangan Sekolah Pulau Pinang) merupakan satu inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menguruskan pemberian sumbangan kepada sekolah rendah dan menengah secara digital. Sistem ini membolehkan pendaftaran sekolah, permohonan peruntukan, dan pemantauan statistik dilakukan secara berpusat melalui portal dalam talian.

## Modul Sistem ESSPP

Sistem ESSPP mengandungi 5 modul berikut bagi pengguna :

- Dashboard – Paparan utama selepas log masuk
- Urus Sekolah –Kemaskini maklumat sekolah
- Urus Permohonan – Menghantar dan menyemak permohonan
- Urus Laporan –Semak dan kemaskini laporan peruntukan
- Urus Pengguna –Tukar kata laluan

> 📌 *Pendaftaran pengguna baharu (pihak sekolah) TIDAK boleh dilakukan secara terus melalui portal. Sila hubungi Bahagian Hal Ehwal Sekolah, Pejabat Ketua Menteri untuk mendapatkan akaun.*

## Skrin Utama Sistem ESSPP




Skrin ini Adalah skirin utama yang memaparkan tiga (3) fungsi utama.

a) Muat Turun Borang: Kegunaan pengguna baharu (Sekolah/KADUN) untuk pendaftaran melalui Bahagian Hal Ehwal Sekolah, Pejabat Ketua Menteri.
b) Log Masuk: Memerlukan No. Kad Pengenalan dan Kata Laluan. Pendaftaran baharu hanya boleh dilakukan oleh Pentadbir Sekolah yang dilantik.
c) Penilaian Aplikasi: Pautan untuk semakan dan penilaian oleh pihak berkenaan

# 2.0 PENDAFTARAN

## 2.1 Muat Turun Borang Pendaftaran

Dari laman utama, sila klik pada pautan berikut untuk muat turun Borang pendaftaran, Cetak borang, lengkapkan maklumat yang diperlukan, dan serahkan kepada Bahagian Hal Ehwal Sekolah, Pejabat Ketua Menteri.




## 2.2 Log Masuk

Sila masukkan No. Kad Pengenalan dan Kata Laluan yang diberikan.Tekan butang **Log Masuk** untuk memasuki sistem.




> 📌 *Sekiranya log masuk gagal, pastikan No. Kad Pengenalan dan Kata Laluan yang dimasukkan adalah betul. Hubungi Pentadbir Sistem sekiranya masalah berterusan.*

Sekiranya berjaya **Log Masuk**, pengguna akan dipaparkan dengan Dashboard Sistem eSumbangan Sekolah Pulau Pinang (eSSPP).




## 2.3 Kemaskini Katalaluan

Sekiranya pengguna baru/set semula katalaluan, dikehendaki menukar Kata Laluan Sementara kepada kata laluan pilihan pengguna selepas log masuk buat pertama kali.

Dari Dashboard, klik pada nama pengguna di bahagian atas kanan skrin, Pilih "Profil" dari menu yang dipaparkan.



Pengguna akan dibawa ke maklumat profil.Masukkan Kata Laluan Baru mengikut pilihan anda. Ulang masukkan Kata Laluan Baru dalam medan " Pengesahan Kata Laluan". Klik butang "Kemaskini Kata Laluan" untuk menyimpan perubahan.




> 📌 *Kata laluan hendaklah sekurang-kurangnya 8 aksara dan mengandungi kombinasi huruf besar, huruf kecil, dan nombor untuk keselamatan akaun yang lebih baik.*

| SISTEM ESSPP – https://esspp.penang.gov.my/ | VERSI | 2.0 |
|---|---|---|
| JENIS DOKUMEN | PANDUAN PENGGUNA PEMOHON (ONLINE) | |

# 3.0 DASHBOARD

Modul Dashboard merupakan paparan utama selepas pengguna berjaya log masuk ke dalam sistem. Ia berfungsi sebagai pusat kawalan dan ringkasan maklumat berdasarkan peranan pengguna yang telah ditetapkan.

## 3.1Paparan Utama Dashboard

Paparan Dashboard adalah seperti berikut:




Klik pada Tindakan paparan Senarai Permohonan Peruntukan Sekolah seperti berikut:

- Belum Selesai (Draf): Bilangan permohonan yang masih dalam peringkat draf dan belum dihantar.
- Telah Dihantar: Bilangan permohonan yang telah berjaya dikemukakan untuk proses seterusnya.
- Telah Disemak(Tindakan YB):Bilangan permohonan yang telah disemak oleh YB



| SISTEM ESSPP – https://esspp.penang.gov.my/ | VERSI | 2.0 |
|---|---|---|
| JENIS DOKUMEN | PANDUAN PENGGUNA PEMOHON (ONLINE) | |

# 4.0 SEKOLAH

Modul Sekolah digunakan untuk mengemaskini maklumat sekolah.




Paparan memaparkan senarai sekolah.Pengguna boleh mengemaskini maklumat sekolah.

| SISTEM ESSPP – https://esspp.penang.gov.my/ | VERSI | 2.0 |
|---|---|---|
| JENIS DOKUMEN | PANDUAN PENGGUNA PEMOHON (ONLINE) | |

# 5.0 URUS PERMOHONAN

Modul Urus Permohonan digunakan untuk menguruskan permohonan peruntukan sekolah. Pengguna boleh melihat senarai permohonan, menambah permohonan baru, dan mengemaskini permohonan sedia ada.

Klik pada butang "Tambah Permohonan"dan borang permohonan dipaparkan.




Lengkapkan maklumat berikut:

a) Skop Kerja – Huraikan skop kerja yang dipohon peruntukan.
b) Kategori Projek – Pilih kategori projek yang bersesuaian dari senarai yang disediakan.
c) Tiga Dokumen Sokongan – Muat naik dokumen berkaitan (format PDF atau Imej) seperti Sebutharga dan kos keseluruhan projek.



Setelah semua maklumat lengkap, klik butang **Simpan** untuk draf atau **Hantar** untuk menghantar permohonan.




Memaparkan semua permohonan dengan status permohonan tersebut. Permohonan yang masih dalam status "Draf" boleh dikemaskini sebelum dihantar.

| SISTEM ESSPP – https://esspp.penang.gov.my/ | VERSI | 2.0 |
|---|---|---|
| JENIS DOKUMEN | PANDUAN PENGGUNA PEMOHON (ONLINE) | |

# 6.0 URUS LAPORAN

Modul Urus Laporan membolehkan pengguna mengemaskini dan menjana laporan peruntukan mengikut tahun yang telah diluluskan.

Pilih Tahun Peruntukan dari senarai juntai yang disediakan dan klik butang papar




Senarai Laporan Peruntukan Sekolah dipaparkan mengikut tahun yang dipilih



Klik pada butang Cetak, cetakan laporan dan lampiran peruntukan akan dipaparkan




Klik pada butang kemaskini, kemaskini laporan peruntukan akan dipaparkan



# 7.0 URUS PENGGUNA

Modul Urus Pengguna membolehkan pengguna menukar kata laluan




**— TAMAT PANDUAN PENGGUNA —**

Bahagian Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Negeri Pulau Pinang

© 2025 Kerajaan Negeri Pulau Pinang